**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Faks : 04-702 7720
(Bhg. Kewangan)
: 04-702 7722
(Bhg. Perbendaharaan)
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my
E-mail : pkpnk@kedah.gov.my

KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.kami : PPNK.BN100-1/9/4 (52)
Tarikh : 27 Muharram 1444H
25 Ogos 2022M

**SEMUA PEGAWAI-PEGAWAI / KETUA JABATAN**
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 3/2022**
**PENURUNAN KADAR KEUNTUNGAN SETAHUN KE ATAS SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (SMARTPHONES) DARIPADA 4% KEPADA 2%**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, terdapat penurunan kadar keuntungan setahun ke atas Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (Smartphones) daripada 4% kepada 2%.

3. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 9.1 Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (Smartphones) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam, Para 2.4 memaklumkan penurunan kadar keuntungan setahun ke atas Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (Smartphones) daripada 4% kepada 2%. Selaras dengan pekeliling tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah melalui Kertas No.7 (F)180/2022 bertarikh 11 Mei 2022 bersetuju menerima pakai pekeliling berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022.

4. Penurunan kadar keuntungan setahun sebanyak 2% ini digunapakai kepada permohonan dan kelulusan mulai 1 Januari 2022. Bagi peminjam yang telah mendapat kelulusan tahun 2022 dengan kadar keuntungan 4%, pelarasan bayaran balik akan dilakukan oleh Perbendaharaan Negeri Kedah.

Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M), CPA(M))**
Bendahari Negeri
Kedah Darul Aman

s.k YB Pegawai Kewangan Negeri Kedah